

Usahawan Malaysia kena berani teroka Afrika: PM

Sanggup kerja keras, keyakinan diri kuat faktor kejayaan perniagaan

BH-24/11/2007



Daripada Kadir Dikoh
di Kampala, Uganda

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu usahawan Malaysia lebih berani merebut peluang melabur di luar negara, termasuk di negara miskin dan membangun seperti di Afrika.

Perdana Menteri berkata, mereka boleh berjaya seperti dibuktikan oleh sebilangan usahawan yang sudah menempa nama di luar negara, jika

sanggup bekerja keras dan menghadapi segala saingan serta cabaran.

"Antara faktor kejayaan sesebuah perniagaan ialah mempunyai keyakinan diri yang kuat," katanya berucap pada majlis makan malam yang dihoskan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kenya dan Uganda, Selwyn Das di sini, malam kelmarin.

Abdullah yang ditemani isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah menghadiri majlis itu sejurus tiba di bandar raya ini untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2007 yang bermula semalam.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri di Lapangan Terbang Entebe pada jam 7.45 petang (12.45 pagi semalam waktu Malaysia) disambut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Uganda, Matia Kasajja.

Abdullah turut melahirkan rasa bangga di atas keupayaan beberapa usahawan Malaysia yang berjaya di

Uganda dan menyifatkannya sebagai turut membantu menaikkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Beliau turut meminta rakyat Malaysia yang berada di luar negara supaya membantu kerajaan mempromosikan negara.

"Tugas ini bukan saja terletak di

“Saya berbangga dengan usahawan Malaysia yang berjaya di Uganda dan ini membantu menaikkan nama Malaysia”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tangan pegawai diplomat semata-mata, malah ia adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia," katanya.

Jamuan itu adalah permulaan kepada atur cara yang sibuk bagi Abdullah kerana bermula pagi semalam, Perdana Menteri menghadiri upacara pembukaan CHOGM, diikuti sesi eksekutif bersama ketua negara Komanwel sebelum menghadiri jamuan malam tadi yang dihoskan oleh Ratu Elizabeth II.

Hari ini, Abdullah selain meneruskan sesi eksekutif seterusnya, akan turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Sri Lanka, Mahinda Rajapaksa.

Petang ini pula, Abdullah akan merasmikan pusat perabot Malaysia milik Sekaran Vellasamy, anak Malaysia yang menjadi jutawan di Uganda selepas terbabit dalam perniagaan perabot di sini sejak 20 tahun lalu.